

**Senarai dokumen yang perlu dihantarkan kepada kami jika anda ingin kami membayar balik perbelanjaan pengebumian****Cara membuat tuntutan pembayaran balik bagi perbelanjaan pengebumian**

1. Hanya seorang waris dibenarkan membuat tuntutan pembayaran balik bagi perbelanjaan pengebumian daripada wang CPF orang yang telah meninggal dunia jika mereka tidak membuat penamaan yang sah.
2. Seseorang yang bukan waris boleh membuat tuntutan pembayaran balik daripada wang dari harta pusaka orang tersebut. Tetapi, mereka perlu menghantarkan kepada kami salinan resit-resit yang berkenaan yang menunjukkan bukti perbelanjaan pengebumian yang telah dibayar oleh mereka.

Sila hantarkan kepada kami salinan dokumen-dokumen berikut bersama borang permohonan dalam talian yang lengkap melalui perkhidmatan elektronik kami di <https://eservices.mlaw.gov.sg/PTO/welcome.xhtml>.

**Dokumen-dokumen yang perlu anda hantarkan kepada kami**

- 1) Kad pengenalan, passport, kad keselamatan sosial (untuk warga AS), kad pilihan raya (untuk warga India) orang yang membuat tuntutan dan orang yang menghantar borang permohonan dalam talian kepada kami
- 2) Sijil kematian orang yang telah meninggal dunia (si mati)
- 3) Jika orang yang membuat tuntutan pembayaran balik adalah:
  - a. suami atau isteri si mati – sijil perkahwinan
  - b. anak si mati – sijil kelahiran anak tersebut dan sijil perkahwinan ibu bapa
  - c. ibu atau bapa si mati – sijil kelahiran si mati dan sijil perkahwinan ibu bapa
  - d. adik beradik si mati – sijil kelahiran si mati, sijil perkahwinan ibu bapa dan sijil kelahiran adik beradik tersebut
- 4) Borang pengisyntiharan pembayaran balik pengebumian yang asal. (Sila kembalikan borang yang sudah diisi melalui pos atau melalui perkhidmatan elektronik kami di <https://eservices.mlaw.gov.sg/PTO/welcome.xhtml> (Submission of Supporting Documents).)
- 5) Oleh kerana bayaran akan dibuat secara elektronik, anda mempunyai pilihan untuk menerima pembayaran anda melalui PayNow (yang harus didaftarkan dengan nombor kad pengenalan) atau melalui perkhidmatan Kredit Langsung ke akaun bank penerima. Satu salinan halaman depan buku simpanan bank atau penyata bank mestilah disediakan untuk menerima bayaran melalui perkhidmatan Kredit Langsung.  
(Nota: Untuk permintaan pembayaran melalui akaun bank pihak ketiga benefisiari dan pemegang akaun pihak ketiga mestilah melaksanakan borang tanggung rugi (Borang 15) yang boleh didapati di laman web kami <https://pto.mlaw.gov.sg/deceased-cpf-estate-monies/forms/>.)
- 6) Resit-resit untuk perbelanjaan pengebumian. (Kami memerlukannya jika anda bukan seorang waris.)